

14/07/1997

Bercermin daripada kehidupan murni

Maarop Md Noh

APABILA kita diajak bercermin, biasanya yang pertama difikirkan ialah untuk melihat kecantikan atau ketampanan diri. Kemudian melihat pakaian dan mengurus misai atau janggut. Bagi kebanyakan wanita bercermin mungkin untuk bersolek atau untuk memastikan tiada kedut di muka. Tetapi apabila kita diajak mencermin diri tentu lain pula tanggapannya. Mungkin ada yang terperanjat dan tidak kurang pula merasakan ada sesuatu yang tidak kena.

Cermin dan kehidupan manusia memang saling berkait rapat. Tetapi yang lebih penting cermin bukan sekadar menilai kecantikan, malah kilauannya adalah manifestasi kemurnian atau keburukan budi, akhlak, perangai dan semua sifat yang terpantul daripada kehidupan individu dan masyarakat. Kerana itu tidak hairanlah apabila orang tua-tua selalu mengingatkan: "Cerminlah diri sendiri."

Biasanya cermin tidak pernah berbohong. Jika ada yang mengelat itu semata-mata berpunca daripada imbalan tidak tepat atau lebih dikenali sebagai cermin gila dan pecah. Jika ini berlaku pantulan imej agak mengerikan. Begitu juga apabila kehidupan individu dan masyarakat tempang ia akan memantulkan imej buruk dan menjejaskan maruah, budaya dan negara.

Berdasarkan hipotesis itu bolehlah diandaikan pelbagai masalah sosial yang melanda masyarakat sekarang adalah pantulan imej buruk daripada cermin kehidupan yang tempang. Gejala itu berlaku kerana masyarakat tidak lagi menghayati falsafah bercermin untuk membetulkan keadaan yang tempang. Sebaliknya masyarakat semakin meninggalkan budaya murni mereka sendiri dengan merebut apa yang dikatakan memajukan diri. Kerana itu kita terserempak dengan perbuatan sumbang maruah seperti rasuah, politik wang, maksiat, membuang bayi, bohsia, bohjan, sumbang muhrim, merompak wang dari ATM bank, menggelapkan wang dan sebagainya. Lebih malang sumbang maruah itu seolah-olah diterima sebagai sesuatu yang murni dan sinonim dengan kehidupan moden dan maju.

Jika itulah interpretasinya sudah pastilah falsafah bercermin tidak wujud dalam masyarakat sekarang. Sementara cermin memantulkan imej ke depan yang cemerlang, masyarakat pula sekadar menggunakan cermin sebagai penilai kecantikan luaran saja. Atau jika adapun yang mengambil iktibar daripada pantulan cermin, mereka mungkin melihat diri menerusi cermin songsang (crooked mirror) kerana itu imej mereka turut bersimpang-siur dan masyarakat semakin mengarah kepada 'masyarakat panik' (panic society).

Keadaan ini berbeza dengan masyarakat yang maju tetapi mengekalkan imej murni daripada cermin kehidupan yang teratur. Ahli falsafah kemasyarakatan Islam terkenal, Jamaluddin al-Afghani (1844-1897) berpendapat, masyarakat yang rosak nilai budayanya akan menjadi bahan ratahan 'singa'. Beliau berpendapat tidak ada apa yang boleh dilakukan oleh kerajaan jika masyarakat sudah rosak dan tidak berdaya memperbaiki diri. Jalan penyelesaiannya ialah pemerintah dan masyarakat haruslah bersama bercermin diri bagi memperbaiki nilai moral dan etika hidup serta keluarga. Dengan itu barulah imej murni dapat ditonjolkan.

Imej baik yang terpancar daripada cermin kehidupan sudah tentu mengandungi unsur positif yang boleh dibanggakan. Ia melahirkan sikap beradab-sopan, kasih-sayang, warak, lemah-lembut, menyanjung ilmu, maju, berdaya saing, produktif, proaktif dan sebagainya. Dengan itu masyarakat akan teratur, harmoni, keluarga bahagia, kukuh ekonominya, stabil politiknya, segar budayanya, tinggi hematnya.

Bagi mereka yang rajin mencermin falsafah Muqaddimah Ibnu Khaldun tentu

dengan mudah mendapat kesimpulan bahawa falsafah pengasas ilmu sosial Islam itu adalah menitikberatkan ketahanan institusi budaya berasaskan kasih-sayang kekeluargaan dan institusi agama bersepuh iman dan keharmonian.

Bagaimanapun falsafah itu tidak sekadar jadi bahan kajian semata-mata. Ia harus ditunjangkan ke dalam hidup generasi sekarang dan akan datang kerana ia menjadi cermin budaya dan sosial yang berdaya maju sesuai dengan zamannya. Budaya kasih-sayang, misalnya bukan sesuatu yang baru kerana masyarakat Malaysia, khususnya Melayu memang mempunyai nilai murni itu. Bangsa Melayu yang beragama Islam terkenal dengan lembah-lembut, mengenang budi, bertolak ansur, penyabar, penyayang dan ceria.

Kerana itu imej daripada cermin budaya Melayu itu menjadi teras keharmonian bermasyarakat negara ini. Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad tidak sia-sia menggembleng kelebihan masyarakat Malaysia untuk menaikkan nama negara di persada antarabangsa. Beliau menonjolkan imej tegas dan berani rakyat sebagai manifestasi kesanggupan bekerja, menyambut cabaran. Begitu juga Timbalannya Datuk Seri Anwar Ibrahim meletakkan imej Malaysia ke depan mengatasi negara membangun yang lain. Pembentukan Koridor Raya Multi Media misalnya menjadi wahana baru kegiatan ekonomi negara yang diasaskan di atas kesanggupan bekerja dan rela menghadapi cabaran besar masyarakat negara ini. Kejayaan rancangan itu adalah manifestasi cermin ketinggian mutu kerja dan semangat rakyat negara ini.

Sebenarnya bercermin diri adalah wahana penting membentuk peribadi. Al-Quran mengajak umat Islam merenung diri: "Dan (juga) pada diri kamu sendiri, apakah tidak kamu perhatikan?" - (Surah Az-Zariat, ayat 21). Umat diajak merenung bagaimana dirinya dijadikan supaya dengan tindakan itu manusia sedar asal kejadiannya. Manusia yang tidak mengenal asal kejadiannya adalah golongan rugi. Al-Quran mengingatkan, maksudnya: "Demi masa. Sesungguhnya manusia itu dalam kerugian, kecuali mereka yang beramal salih." - (Al-Quran surah Al-Asr: 1-3). Bercermin diri menjadikan masyarakat bertanggungjawab dalam semua tindakannya. Dan lebih penting semua tindakan itu akan dinilai murni atau tidaknya. Al-Quran menjelaskan: "Apakah manusia menyangka mereka dibiarkan begitu saja." - (Al-Quran, Al-Qiamah, ayat 36).

Mencermin diri boleh menukar sikap dan sifat kehaiwanan kepada manusia sempurna, boleh membersihkan sikap mementingkan diri. Barangkali tidaklah berlebihan jika dikatakan apabila masyarakat mencermin dirinya menerusi cermin kehidupan nurani, nanti akan tiba waktunya kita menemui manusia yang lebih bertimbang rasa di mana-mana, terutama di jalan raya. Sikap ganas pemandu kenderaan, termasuk yang baru keluar dari masjid dan mereka yang keretanya sarat dengan tampalan ayat al-Quran adalah pantulan imej buruk daripada keadaan sosial dan budaya tempang. Keadaan ini melambangkan masyarakat yang gopoh dan bengis. Gaya hidup yang seolah-olah melihat 'hantu' apabila di jalan raya perlu diubah supaya imej pemandu berhemah benar-benar dipraktikkan dan tercermin dalam masyarakat Malaysia yang penyayang.

Mungkin ada yang berpendapat keadaan itu timbul daripada kemewahan hidup sekarang. Apakah benar begitu? Dr Blaine Lee dalam bukunya *Power Principles* menyangkal pandangan itu sebaliknya menyifatkan masyarakat yang tidak menghayati budi pekerti adalah masyarakat yang tidak mencermin diri sendiri dan masyarakat itu adalah lemah. Menurutnyanya sesebuah masyarakat yang ingin maju dan kukuh ketahanan sosialnya mesti mengamalkan nilai murni budaya. Kerana itu bagi Dr Lee masyarakat yang dikatakan maju tetapi tidak mencermin diri agak sukar menguasai budaya dan hidup dalam lingkungan harmoni. Dr Lee tidak bersendirian dalam hal ini, Steven Covey, misalnya dalam bukunya *Seven Effective Principles* menekankan keharmonian

akan timbul apabila seseorang itu mencerminkan dan memperbaiki lingkungannya. Dan tindakan itu, menurut Covey perlu berasaskan ajaran agama dan dengan itu masyarakat akan maju dan tidak tergelincir daripada garisan budaya.

Dr Lee dan Covey, menyarankan masyarakat menilai semula cara hidup dan berusaha mengelak terjerumus ke dalam perangkap moden yang mengarah kepada keganasan dan tidak berperikemanusiaan. Apabila masyarakat dapat menapis yang baik dan boleh diamalkan atau membuang yang dirasakan tidak sesuai. Tetapi membuang langsung warisan budaya dan menganggapnya kuno boleh membantutkan kestabilan masa depan. Begitu juga masyarakat yang menerima bulat-bulat sesuatu dari luar tanpa menilainya dengan neraca budaya sendiri akan melahirkan masyarakat salinan (carbon copy). Kerana itu Dr Lee dan Covey mengajak masyarakat mencerminkan diri dan memurnikan kehidupan dengan menggunakan acuan budaya sendiri.

Pendapat yang hampir serupa pernah diutarakan oleh Mikel Polani dalam bukunya *Study Of Man and Logic of Liberty*. Bekas professor fizik itu menyarankan masyarakat mengkaji kehidupan supaya tidak terjerumus ke dalam arus yang tidak diketahui hujungnya. Baginya tidak salah mengambil nilai lama untuk meneruskan tradisi moden yang lebih canggih dan mencabar.

Di sini bertepatan sekali saranan Islam supaya umatnya mengkaji dan memeriksa diri bagi membentuk hati luhur, tidak menyombong atau membesarkan diri. Al-Quran mengingatkan: "Apakah kamu tidak perhatikan orang yang menganggap dirinya bersih. Sebenarnya Allah membersihkan sesiapa yang dikehendaki-Nya dan mereka tidak aniaya sedikitpun." - (Al-Quran, surah An-Nisak, ayat 49). Paling penting perbuatan seseorang itu akan dipertontonkan semula kepada mereka: "Atau apakah orang yang ada penyakit dalam hati itu mengira Allah tidak akan memperlihatkan kepada mereka kedengkian mereka." - (al-Quran, surat Muhammad, ayat 29).

Kesimpulannya mencerminkan diri bukan sekadar untuk menentukan imej peribadi terbimbing malah membentuk masyarakat lebih bertamadun. Kita tentulah tidak mahu melahirkan masyarakat seperti 'si tempang memanjat busut; tongkat dibuang akar dipotong' akhirnya tersangkut di bucu gembur. Kita yakin amalan mencerminkan diri dapat mengelakkan manusia bermusuhan. Kerana itu tidak salah kiranya jika kita bercermin diri sebelum orang lain menyuruh kita melihat diri di cermin.

(END)